KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

MyGOV*NET MyGPKI DDMS2.0 MyGovEvent data.gov.my MyGovCloud

# Taklimat

# Pendekatan Whole-of-Government (WoG) Sektor Awam

## (Tatakelola dan Perolehan Projek ICT Pengkomputeran Awan Berteraskan Pendekatan WoG)

OLEH:
BAHAGIAN PERANCANGAN PERKHIDMATAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

21 JULAI 2026

MALAYSIA MADANI

DIGITALFIRST

# TOPIK PEMBENTANGAN

1. Pengenalan WoG
2. Punca Kuasa Pelaksanaan
3. Pendekatan Sektoral
4. Pasukan Digital Sektor
5. Tatakelola Pengurusan Perancangan, Pelaksanaan Projek dan Perolehan Projek ICT Sektor Awam
6. Panduan Keseluruhan Kerajaan (Whole-of-Government) Sektor Awam

KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

# 1 Pengenalan
## Whole-of-Government (WoG)




Peralihan ke arah Government Technology atau "GovTech" fokus kepada **pendekatan keseluruhan kerajaan (Whole-of-Government, WoG)** ke arah kesejahteraan rakyat dengan memberi penekanan kepada aspek keselamatan digital dan meningkatkan keyakinan rakyat dalam transaksi kerajaan yang selamat.




WoG merupakan pendekatan yang merujuk kepada **usaha menyeluruh** bagi mewujudkan **perkhidmatan digital kerajaan yang bersepadu**, inklusif dan berorientasikan rakyat, merentasi **keseluruhan kluster perkhidmatan awam**, bagi memenuhi keperluan serta jangkaan masyarakat secara holistik dan efisien

# WOG

## WHOLE-OF-GOVERNMENT



Whole-of-Government denotes **public services agencies working across portfolio boundaries** to achieve a **shared goal** and **an integrated government response** to particular issues [Christensen et al 2007]

WoG—a comprehensive way to **assemble resources and expertise from multiple agencies** and groups to **address problems with interrelated social, economic, and political causes.**

- Deloitte -

A global trend to change silo-based structures, disaggregation, and sectorial divide towards a more **integrated approach** to increasingly **complex and multi-dimensional public service delivery**

SmartGov Singapore

> **Whole-of-Government (WoG) menggambarkan perkhidmatan digital bersepadu dan terangkum dengan berfokuskan keperluan serta ekspektasi rakyat merentasi keseluruhan spektrum kluster perkhidmatan awam.**

*Sumber : PKPA Bil. 1 Tahun 2020 : MyGovEA*

# PERKHIDMATAN E2E VS PERKHIDMATAN WoG

## PERKHIDMATAN END-TO-END

- Perkhidmatan E2E merujuk kepada perkhidmatan yang **dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dari mula hingga akhir**.
- Penyenaraian perkhidmatan E2E adalah perkhidmatan yang **disediakan oleh satu-satu agensi kerajaan**.

## PERKHIDMATAN WOG

- Perkhidmatan **keseluruhan kerajaan yang melibatkan titik sentuh rakyat dalam suatu peristiwa kehidupan (life-event)** dan disediakan secara dalam talian dari mula hingga akhir.
- Penyenaraian perkhidmatan WoG adalah **suatu perkhidmatan rentas pelbagai agensi** yang ditawarkan kepada rakyat **sebagai satu perkhidmatan**.

KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

# 2 Punca Kuasa Pelaksanaan

MALAYSIA MADANI

DIGITALFIRST

## Punca Kuasa Pelaksanaan WoG

### Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)

Pendekatan WoG menjadi asas penting bagi merealisasikan aspirasi negara ke arah tadbir urus moden dan digital

Penyampaian perkhidmatan kerajaan secara bersepadu, *seamless* dan berfokuskan rakyat

Kerjasama rentas agensi Persekutuan, agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan penyampaian perkhidmatan menjadi lebih konsisten, mudah diakses dan mengurangkan pertindihan fungsi

### Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)

Transformasi perkhidmatan awam digerakkan melalui pendekatan *Associated and Integrated Strategy* dan menekankan konsep *Whole-of-Nation* yang melibatkan penyertaan sektor swasta.

### **SPA 7/2024** - Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam

Penyelarasan Projek ICT merentas agensi

Penekanan EA

Pemantauan projek ICT melalui WoG memastikan tiga keberhasilan utama projek ICT iaitu pengoptimuman kos, sumber dan pulangan nilai terbaik dapat dicapai.

### Surat Arahan Pelaksanaan Integrasi Sistem Aplikasi Digital Kerajaan dengan MyDigital ID sebagai Log Masuk Tunggal

Menetapkan bahawa semua sistem dan aplikasi digital Kerajaan mesti diintegrasikan dengan **MyDigital ID** sebagai **kaedah log masuk tunggal**

### Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara bagi Penyelarasan Pengintegrasian Sistem-sistem Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan PBT

Pembangunan produk digital secara agile mengikut keperluan agensi dan teknologi semasa.

Penggunaan perkhidmatan generik Kerajaan seperti MyGovCloud, MyGovNet dan MyGovUC

# 3 Pendekatan Sektoral

# STRUKTUR TADBIR URUS PERKHIDMATAN DIGITAL KERAJAAN



# PENDIGITALAN PERKHIDMATAN BERTERASKAN FUNGSI PERKHIDMATAN SEKTOR

## Sektor Sosial 1 (Masyarakat)

Sektor ini merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan bagi kesejahteraan rakyat dan pembangunan sosial.

**Kluster:**

- Kesihatan
- Pembangunan Kesejahteraan dan Perpaduan

## Sektor Sosial 2 (Bakat)

Sektor ini merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan bagi pembangunan bakat, pendidikan, dan pekerjaan.

**Kluster:**

- Pendidikan, Latihan dan Pekerjaan
- Belia dan Sukan

## Sektor Ekonomi

Sektor ini merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan kepada komuniti perniagaan.

**Kluster:**

- Pertanian dan Industri Makanan & Komoditi
- Perdagangan dan Industri
- Ekonomi, Penyelidikan dan Pembangunan
- Pelancongan dan Kebudayaan

## Sektor Infrastruktur

Sektor ini merujuk kepada perkhidmatan oleh agensi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan pembangunan fizikal untuk meningkatkan taraf hidup serta kesejahteraan rakyat.

**Kluster:**

- Pengangkutan
- Pembangunan Komuniti & Luar Bandar
- Perumahan & Kerajaan Tempatan
- Kemudahan Awam, Teknologi & Tenaga
- Sumber Asli & Alam Sekitar

## Sektor Keselamatan

Sektor ini merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan bagi memastikan negara dalam keadaan selamat dan kedaulatan negara dilindungi.

**Kluster:**

- Keselamatan Dalam Negeri
- Pertahanan
- Penyiaran, Komunikasi & Maklumat

## Sektor Pentadbiran Awam

Sektor ini merujuk kepada aktiviti sokongan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang membolehkan kerajaan beroperasi secara cekap dan berkesan.

**Kluster:**

- Pengurusan Kewangan
- Pengurusan Sumber Manusia
- Pentadbiran Am: Agama Islam, Kehakiman & Perundangan, Pembangunan Negara, Perpaduan Negara & Kesejahteraan Sosial

# KUMPULAN SASAR

**G2C**
Government to Citizen

**G2B**
Government to Business

**G2G**
Government to Government

**G2E**
Government to Employee

# KITAR HAYAT PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL

## G2C

1. Kelahiran
2. Keluarga
3. Kebajikan
4. Pendidikan
5. Pekerjaan
6. Perniagaan
7. Kesihatan
8. Memiliki Kenderaan
9. Memiliki Rumah
10. Urusan Perjalanan
11. Kewangan
12. Kecemasan & Hak Individu
13. Komuniti & Persekitaran
14. Kematian

## G2B

1. **Merancang Perniagaan**
   - Memilih lokasi perniagaan
   - Kesediaan utiliti/kemudahan
   - perniagaan
2. **Memulakan Perniagaan**
   - Mendaftar perniagaan
   - Mendapat modal
   - perniagaan
3. **Mengendali Perniagaan**
   - Mengurus aset perniagaan (tanah, bangunan, kenderaan)
   - Mengurus Pelabur, Kewangan & Cukai
   - Mengurus Produk & Perkhidmatan
   - Mengurus Penghantaran, Jualan & Promosi/Marketing
   - Mengurus Perdagangan (Trading)
   - Mengurus Pekerja
4. **Mengembangkan Perniagaan**
   - Menambah cawangan perniagaan
   - Menambah produk & perkhidmatan
   - Menambah saluran (channel) perkhidmatan
5. **Menamatkan Perniagaan/ Syarikat/Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)**
   - Mengurus kebankrapan & insolvensi
   - Mengurus penutupan syarikat

## G2G

1. **Wujud**
   - Fungsi
   - Struktur
   - Tadbir Urus
2. **Organisasi**
3. **Sumber Manusia**
   - Pengurusan Sumber Manusia
   - Kemahiran
   - Kompetensi
4. **Kewangan**
   - Fiskal
   - Pengurusan Kewangan
   - Perolehan
5. **Aset/Fasiliti**
   - Fizikal
   - Data, Maklumat & Rekod
   - ICT
6. **Pengurusan Strategik**
   - Pengupayaan Perkhidmatan
   - Pelan & Strategi Pelaksanaan
   - Polisi & Peraturan
7. **Pembangunan**
   - Jangka Pendek
   - Jangka Panjang
8. **Penyelarasan & Pemantauan**
   - Projek
   - Prestasi
   - Bajet & Kewangan
   - Pengurusan Krisis/Risiko
9. **Keberhasilan**
   - Outcome Based Budget (OBB)
   - Nilai Perkhidmatan
10. **Promosi**
    - Dasar & Perkhidmatan Kerajaan
    - Perkhidmatan Digital
11. **Pengauditan**
    - Pengauditan Kewangan
    - Pengauditan Prestasi

## G2E

1. **Pelantikan**
   - Pra-Pelantikan
   - Tawaran
2. **Perjawatan**
   - Penempatan
   - Myportfolio & Deskripsi Tugas
3. **Perkhidmatan**
   - Pengesahan Lantikan/ Jawatan
   - Kenaikan Pangkat & Kerjaya
   - Status Penempatan
4. **Gaji & Tuntutan**
   - Urusan Gaji & Cuti
   - Elaun & Pinjaman
   - Sistem Saraan
   - Status Pencen
5. **Kompetensi & Latihan**
   - Peningkatan Kemahiran & Kompetensi
   - Hadiah Latihan & Sambung Belajar
   - Persijilan, Pengiktirafan & Latihan
   - Kelayakan Profesional
6. **Kesihatan**
   - Keupayaan Fizikal
   - Keupayaan Mental
   - Tahap Kesihatan
7. **Harta & Pinjaman**
   - Pengisytiharan Harta
   - Pinjaman Kerajaan Memiliki Harta
   - Cukai Pendapatan
8. **Tatatertib**
   - Tindakan Tatatertib
9. **Persaraan**
   - Bersara Wajib
   - Bersara Pilihan
   - *Exit Policy*

KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

# 4

# Pasukan
# Digital Sektor

**Mesyuarat Jawatankuasa Pemodenan dan MyDigital Kluster Kerajaan** Bilangan 1 Tahun 2024 pada 27 November 2024 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara

# STRUKTUR TADBIR URUS PERKHIDMATAN DIGITAL KERAJAAN

## PELAKSANAAN DAN PENGOPERASIAN

**WHOLE-OF-GOVERNMENT (WOG) & GOVTECH & PERKONGSIAN DATA KERAJAAN**

**MESYUARAT PENYELARASAN SEKTOR (PENGERUSI : KP JDN)**

| | Pasukan Digital Sektor Ekonomi | Pasukan Digital Sektor Sosial 1 (Masyarakat) | Pasukan Digital Sektor Sosial 2 (Bakat) | Pasukan Digital Sektor Infrastruktur | Pasukan Digital Sektor Keselamatan | Pasukan Digital Sektor Pentadbiran Awam |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **KETUA** | KSU MITI | KSU KPWKM | KSU KESUMA | KSU MOT | KP MKN | TKSUK JPM |
| **SEKRETARIAT** | CDO MITI | CDO KPWKM | CDO KESUMA | CDO MOT | CDO MKN | CDO JPM |
| **AGENSI** | 1. MITI<br>2. MOF<br>3. KE<br>4. KUSKOP<br>5. KPDN<br>6. KPK<br>7. KPKM<br>8. MOTAC<br>9. JAKIM<br>10. MOSTI<br>11. MdI | 1. KPWKM<br>2. KKM<br>3. KBS<br>4. KPN<br>5. KKDW<br>6. KPKT<br>7. KK<br>8. KE | 1. KESUMA<br>2. KPM<br>3. KPT<br>4. KBS<br>5. KPWKM<br>6. KKDW | 1. MOT<br>2. KKR<br>3. KKDW<br>4. KPKT<br>5. MOSTI<br>6. PETRA<br>7. NRES<br>8. KK | 1. KDN<br>2. MINDEF<br>3. KLN<br>4. KK<br>5. KD<br>6. AGENSI DI BAWAH JPM | 1. JPM<br>2. MOF<br>3. JPA<br>4. JKT-KPKT<br>5. AGENSI DI BAWAH JPM |

*NOTA: Keahlian Agensi boleh berada dalam pelbagai Sektor*

# TERMA RUJUKAN PASUKAN DIGITAL SEKTOR

1. Menerajui pendigitalan sektor melalui **penyelarasan dan pemantauan** inisiatif digital kerajaan.

2. Merancang pendigitalan perkhidmatan bersepadu melalui **pendekatan keseluruhan kerajaan (Whole of Government - WoG)** bagi mengelakkan pertindihan inisiatif digital.

3. Memastikan **reka bentuk perkhidmatan kerajaan dibangunkan** berdasarkan Panduan Reka Bentuk Perkhidmatan Digital Kerajaan (Service Design).

4. Memastikan pelaksanaan **perkongsian data merentas agensi sektor awam** bagi merealisasikan penyampaian perkhidmatan digital berpacukan data.

5. **Mengoptimumkan sumber dan kos inisiatif digital** melalui penggunaan platform dan infrastruktur digital berpusat dalam projek ICT/digital.

6. Meningkatkan **kecekapan perkhidmatan** dan pengurusan pentadbiran kerajaan yang lebih berintegriti.

7. Membangun **keupayaan dan kemahiran digital** semua pegawai di agensi.

## 25 Inisiatif Tumpuan Sektor Awam RMK13

| SEKTOR | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SOSIAL 1 (MASYARAKAT) | Pengurusan Bantuan Secara Bersepadu (Dana Peduli Rakyat) | Capaian Mudah Keseluruhan Sejarah Perubatan Dan Rekod Kesihatan Individu (SIHAT360) | Perkhidmatan Digital Bersepadu Hospital Pengajar Universiti Awam | Pengurusan Khazanah Warisan Negara | |
| SOSIAL 2 (BAKAT) | Pengekalan Bakat | Pemadanan Pekerjaan | | | |
| EKONOMI | Pengurusan Insentif dan Pembiayaan Perniagaan | Pengurusan Pengeluaran Lesen Perniagaan | Pengurusan Pemberian Geran Perniagaan | | |
| INFRASTRUKTUR | Pengurusan Pengangkutan Bersepadu | Pengurusan Trafik Pintar | Platform Sehenti Digital bagi Maklumat Perjalanan, Kemudahan Awam & Bandar | Pengurusan Logistik | |
| KESELAMATAN | Keselamatan Kawalan Sempadan Bersepadu | Keselamatan dan Ketenteraman Awam | Kesiapsiagaan Pengurusan Pra, Semasa dan Pasca Bencana | | |
| PENTADBIRAN AWAM | Pengurusan Perolehan Kerja Secara Digital | Pendigitalan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan | Penambahbaikan Pengurusan Pilihan Raya | Pengurusan Keluarga Islam | Pengurusan Perundangan dan Insolvensi Individu dan Syarikat |
| | Pengurusan Kuarters Kementerian, Jabatan Persekutuan & Badan Berkanun Secara Bersepadu | Pengurusan Pengambilan Penjawat Awam Bersepadu | Pengurusan Dokumen Digital Tanpa Kertas | Inisiatif Tanpa Kertas bagi Sektor Awam Pentadbiran dan Pengurusan | |

## Registri Mengikut Sektor

**21 Registri**

| SOSIAL 1 (MASYARAKAT) | SOSIAL 2 (BAKAT) | EKONOMI | INFRASTRUKTUR | KESELAMATAN | PENTADBIRAN AWAM |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. Kumpulan Rentan<br>2. Kesihatan Individu<br>3. Perkahwinan<br>4. Perlindungan Sosial | 1. Pelajar<br>2. Pekerjaan<br>3. Pesara | 1. Syarikat dan Koperasi<br>2. Permit dan Lesen<br>3. Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana<br>4. Usahawan<br>5. Peladang, Penternak dan Nelayan | 1. Kenderaan<br>2. Perumahan<br>3. Tanah | 1. Penduduk<br>2. Pertubuhan | 1. Penjawat Awam<br>2. Aset Kerajaan<br>3. Perolehan Kerajaan<br>4. Agensi Sektor Awam |

*Nota: Registri adalah suatu daftar rasmi yang diperuntukkan oleh Akta*

## Repositori Mengikut Sektor

**39 Repositori**

| SOSIAL 1 (MASYARAKAT) | SOSIAL 2 (BAKAT) | EKONOMI | INFRASTRUKTUR | KESELAMATAN | PENTADBIRAN AWAM |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. Kesihatan Awam | 1. Pendidikan | 1. Kebankrapan dan Penggulungan Syarikat | 1. Spatial | 1. Jenayah | 1. Keluarga Islam |
| 2. Pemakanan | 2. Maklumat Murid | 2. Aktiviti Ekonomi | 2. Fasiliti (Jalan, Cerun, Bangunan) | 2. Penyalahgunaan Dadah | 2. Pilihan Raya |
| 3. Halal | 3. Institusi Latihan | 3. Indikator Ekonomi | 3. Pengurusan Trafik | 3. Kesalahan Trafik dan Kenderaan | 3. Parlimen |
| 4. Bahan Terbitan | 4. TVET | 4. Bumiputera | 4. Pengangkutan Awam | 4. Kewarganegaraan | 4. Dewan Undangan Negeri |
| 5. Kebajikan Rakyat | 5. Profil Kemahiran | 5. Warisan | 5. Pelabuhan | 5. Keselamatan (Bencana, Ketenteraman Awam dan Pertahanan) | 5. Belanjawan Negara |
| 6. Daftar Artifak | 6. Tawaran Pekerjaan (Awam/Swasta) | 6. Harta Intelek | 6. Lapangan Terbang | 6. Keselamatan Luar Negeri | |
| 7. Media | 7. Pekerja | 7. Pelabur | 7. Sumber Asli | | |

Nota: Repositori berwarna biru belum diwujudkan secara bersepadu

*Nota: Repositori ialah gudang data berhubung suatu domain/business case*
*Repositori berwarna biru belum diwujudkan secara bersepadu*




## Kedudukan RPSA dalam Hierarki Perancangan Negara



# RANCANGAN PENDIGITALAN SEKTOR AWAM 2026 – 2030

## Rakyat Pintar Digital

**LENSA:** BERSINERGI SECARA ILTIZAM · BERKEMAHIRAN DIGITAL · BERDAYA FIKIR DIGITAL · BERPACUKAN DATA · BERPAKSIKAN RAKYAT BERTERASKAN PERSONA

**PRINSIP:** REKABENTUK BERTERASKAN KESELAMATAN · KESELURUHAN KERAJAAN EA · PRINSIP SEKALI SAHAJA · TANGGUNGJAWAB BERSAMA · PENGALAMAN RAKYAT

### TS1 ARUS PERDANA GOVTECH

- STRATEGI PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU SEKTOR
- STRATEGI PEMANTAPAN KESELARIAN PROSES MELALUI ENTERPRISE ARCHITECTURE
- STRATEGI PENGUKUHAN EKOSISTEM PERKHIDMATAN DIGITAL DINAMIK
- STRATEGI MEMPERHEBAT PENGALAMAN DIGITAL PELANGGAN

### TS2 DAYA GUNA KEHEBATAN DATA DAN KECERDASAN BUATAN

- STRATEGI MEMARTABATKAN DATA UTAMA KERAJAAN
- STRATEGI PENGINTEGRASIAN NILAI DATA KERAJAAN
- STRATEGI PEMANTAPAN DASAR DAN ADAPTASI AI
- STRATEGI PENGUKUHAN KEUPAYAAN TEKNOLOGI PINTAR

### TS3 PENGUKUHAN KEUPAYAAN BAKAT DIGITAL BERKEMAHIRAN TINGGI

- STRATEGI BAKAT DIGITAL UNGGUL PENJAWAT AWAM
- STRATEGI PEMANTAPAN PEMBUDAYAAN DIGITAL SEKTOR AWAM
- STRATEGI PENINGKATAN KECEKAPAN PROFESIONAL PEMIMPIN DIGITAL SEKTOR AWAM
- STRATEGI PENGUKUHAN KERJAYA DAN KOMPETENSI DIGITAL SEKTOR AWAM

### TS4 PEMERKASAAN TATAKELOLA DIGITAL

- STRATEGI REFORMASI STRUKTUR TATAKELOLA DIGITAL SEKTOR AWAM
- STRATEGI PEMANTAPAN PEMATUHAN TATAKELOLA DIGITAL SEKTOR AWAM

### TS5 INFRASTRUKTUR & KEPERCAYAAN DIGITAL MAMPAN

- STRATEGI PENEGUHAN PERKHIDMATAN GUNA SAMA INFRASTRUKTUR DIGITAL KERAJAAN
- STRATEGI PEMERKASAAN EKOSISTEM DIGITAL KERAJAAN
- STRATEGI PEMANTAPAN KEBOLEHCAPAIAN INFRASTRUKTUR DIGITAL AWAM
- STRATEGI PENINGKATAN TAHAP KEPERCAYAAN DIGITAL RAKYAT

**PADUAN DINAMIK KESELURUHAN KERAJAAN**

# TERAS STRATEGIK 1: ARUS PERDANA GOVTECH

**STRATEGI 1**

**PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU SEKTOR**

**OBJEKTIF STRATEGI 1**

Memperkukuh perkhidmatan digital bersepadu kerajaan mengikut sektoral yang membangunkan sekurang-kurangnya 1 platform perkhidmatan digital bersepadu berdasarkan kumpulan sasar (G2C, G2B, G2G dan G2E) menjelang 2030.

| | PROGRAM | PELAKSANA |
|---|---|---|
| P1 | Program Pembangunan Perkhidmatan Digital Bersepadu Sektor Ekonomi | Pasukan Digital Sektor Ekonomi |
| P2 | Program Pembangunan Perkhidmatan Digital Bersepadu Sektor Sosial 1 (Masyarakat) | Pasukan Digital Sektor Sosial 1 (Masyarakat) |
| P3 | Program Pembangunan Perkhidmatan Digital Bersepadu Sektor Sosial 2 (Bakat) | Pasukan Digital Sektor Sosial 2 (Bakat) |
| P4 | Program Pembangunan Perkhidmatan Digital Bersepadu Sektor Infrastruktur | Pasukan Digital Sektor Infrastruktur |
| P5 | Program Pembangunan Perkhidmatan Digital Bersepadu Sektor Keselamatan | Pasukan Digital Sektor Keselamatan |
| P6 | Program Pembangunan Perkhidmatan Digital Bersepadu Sektor Pentadbiran Awam | Pasukan Digital Sektor Pentadbiran Awam |

# TERAS STRATEGIK 1: ARUS PERDANA GOVTECH

## STRATEGI 2

**PEMANTAPAN KESELARIAN PROSES MELALUI ENTERPRISE ARCHITECTURE**

## OBJEKTIF 1 STRATEGI 2

Menjamin integrasi dan saling kendali antara perkhidmatan, data, aplikasi dan teknologi melalui 100% amalan EA oleh agensi Persekutuan, Negeri, PBT dalam mendigitalkan perkhidmatan yang selaras dengan MyGovEA menjelang 2030.

**PROGRAM** P1 **Program Pengukuhan Amalan Enterprise Architecture Kerajaan Digital**

**SASARAN PROGRAM**
**100% amalan EA oleh agensi persekutuan, negeri, PBT dalam mendigitalkan perkhidmatan**

**INISIATIF**
Pembangunan WoG EA bagi Kluster:
- Sektor Ekonomi
- Sosial Masyarakat
- Sosial Bakat
- Infrastruktur
- Keselamatan
- Pentadbiran Awam
- Perkhidmatan Sektor Negeri
- Perkhidmatan PBT

## OBJEKTIF 2 STRATEGI 2

Memastikan keselarian proses dalam reka bentuk perkhidmatan digital bagi mengelak pertindihan fungsi melalui penyeragaman 19 kluster perkhidmatan persekutuan, 8 kluster perkhidmatan negeri dan 13 kluster perkhidmatan PBT di bawah pelaksanaan inisiatif WoG EA menjelang 2030.

**PROGRAM** P2 **Program Penyeragaman Proses Perkhidmatan Digital Merentasi Agensi Kerajaan**

**SASARAN PROGRAM**
**Penyeragaman proses bagi 19 kluster perkhidmatan Persekutuan, 8 kluster perkhidmatan Negeri dan 13 kluster perkhidmatan PBT**

**INISIATIF**
- Penyeragaman 19 kluster perkhidmatan Kementerian, Agensi Persekutuan dan Badan Berkanun
- Penyeragaman 8 kluster perkhidmatan bagi 13 Negeri dan 3 Wilayah Persekutuan
- Penyeragaman 13 kluster perkhidmatan PBT di 13 Negeri dan 3 Wilayah Persekutuan

KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

# 5 Tatakelola Pengurusan Perancangan, Pelaksanaan Projek & Perolehan ICT Sektor Awam

# PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT DENGAN PENDEKATAN WHOLE-OF-GOVERNMENT (WOG)



# PENGURUSAN PERANCANGAN INISIATIF DIGITAL KERAJAAN

Mengadakan perbincangan awal bersama CMO, JDN

1. Kertas Cadangan Inisiatif Digital
2. Penyelarasan Inisiatif
3. Mesyuarat Pasukan Digital Sektor
4. Sesi Libat Urus
5. Kertas Ulasan JDN
6. Permohonan Kelulusan Teknikal ICT
7. Permohonan Peruntukan ke KE/MOF

**Mesyuarat Penyelarasan Sektor Inisiatif Digital Kerajaan**

Petunjuk:

- Pemilik inisiatif
- JDN
- Pasukan Digital Sektor

KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

# 6 Panduan Keseluruhan Kerajaan Sektor Awam



Digarap untuk menyokong dan membantu agensi sektor awam dalam membuat perancangan perkhidmatan digital bersepadu sektor awam melalui pendekatan Keseluruhan Kerajaan.



Dokumen rujukan bagi agensi sektor awam dalam:

a. Merancang pelaksanaan perkhidmatan digital sektor awam selaras dengan reformasi perkhidmatan awam melalui pendekatan WoG.

b. Mengenal pasti dan memetakan dan melakarkan reka bentuk perkhidmatan berdasarkan ekosistem perkhidmatan, keperluan data, aplikasi, teknologi yang menyokong.

c. Melaksanakan tatakelola permohonan pelaksanaan inisiatif digital.

# Kandungan Panduan WoG Sektor Awam




**BAB 1**
Pengenalan

**BAB 2**
Ekosistem Perkhidmatan Digital Kerajaan

**BAB 3**
Reka Bentuk Perkhidmatan Digital Kerajaan

**BAB 4**
Tatakelola Perancangan Inisiatif Digital

**BAB 5**
Tadbir Urus Perkhidmatan Digital Kerajaan

**BAB 6**
Standard Perkhidmatan Digital Kerajaan

https://www.jdn.gov.my

KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

# TERIMA KASIH

Maklumat yang dipaparkan dalam slaid ini adalah
hak milik Jabatan Digital Negara (JDN) Kementerian Digital.

Sebarang salinan hendaklah mendapat persetujuan dan kelulusan JDN.